

20 SEP 1998  
Anwar-Jelajah  
ANWAR BERPIDATO DI BATU PAHAT

BATU PAHAT, 20 Sept (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim malam tadi meneruskan jelajah reformasinya dengan berpidato mengecam Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di hadapan penyokongnya di sini.

Anwar, yang menerima satu tamparan hebat tengah hari semalam apabila dua orang mengaku di mahkamah sesyen bahawa mereka telah diliwat olehnya, tetap mendakwa beliau telah difitnah.

Katanya beliau akan terus mempertahankan diri dan menganggap kepimpinan Dr Mahathir seperti "gestapo" (pasukan perisik Jerman pada Perang Dunia II yang terkenal kerana kekejaman mereka) dan komunis.

Anwar berkata jika beliau hendak disiasat, maka siasatan juga harus dilakukan ke atas Dr Mahathir dan pemimpin Umno yang lain yang katanya telah menyalahguna kuasa.

Kira-kira 10,000 orang hadir di ceramah Anwar yang berlangsung di rumah seorang sahabatnya di Taman Koperasi.

Anwar menyifatkan Dr Mahathir sebagai "ketua tarzan Malaysia" dan kawan-kawan Perdana Menteri itu sebagai "beruk dan gajah".

Beliau kemudian mengulangi desakannya supaya Dr Mahathir meletakkan jawatan sekarang juga sebelum dipaksa berundur oleh rakyat.

Anwar juga meminta DAP, PAS dan parti-parti pembangkang lain untuk bersamanya menegakkan keadilan.

Mengenai kenyataan Dr Mahathir bahawa Anwar tidak menyayangi Umno apabila berkawan dengan DAP, bekas Timbalan Perdana Menteri itu cuba menangkis kenyataan itu dengan menyatakan beliau hanya tunjuk simpati terhadap anggota Parlimen DAP Kota Melaka Lim Guan Eng yang kini dipenjara 18 bulan.

Anwar juga mendakwa berani bersumpah dengan Al-Quran untuk menyatakan yang beliau tidak bersalah tetapi telah dinasihatkan oleh para ulama supaya tidak berbuat demikian.

-- BERNAMA  
ram rhm